

TEKS UCAPAN

YB. DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU

MENTERI

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN MOSTI & MAJLIS PERHARGAAN NICE 2017

RABU, 29 NOVEMBER 2017

Terima kasih Pengacara Majlis

YBrs. Encik Kua Abun

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

YBrs. Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul

Timbalan Ketua Setiausaha (STI)

Y.Brs Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)

SUB-SUB Kanan MOSTI

Semua SUB dan Ketua Unit di bawah MOSTI

Ketua-ketua Pengarah Jabatan dan Agensi MOSTI

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan warga MOSTI yang dikasihi sekalian

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku.

1. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dengan Izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari ini dalam Majlis Perhimpunan Bulanan MOSTI bagi bulan November 2017 yang bertemakan '**Bulan Integriti**'. Majlis pada hari ini juga akan turut merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Pemandu dan Pelaksana NICE'17.

'Bulan Integriti'

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2. Bersempena dengan Sambutan Bulan Integriti Kebangsaan yang disambut pada 5 November setiap tahun, marilah kita mengukuhkan dan mempertingkatkan tahap integriti selaras dengan Pelan Integriti Nasional (PIN). Sama-samalah kita membentuk masyarakat bermoral, beretika dan berintegriti. Justeru, ke arah perkhidmatan awam yang berprestasi dan berintegriti tinggi, pihak Kementerian komited meningkatkan kesedaran kepada semua warganya kepentingan integriti dan tadbir urus yang baik. Saya berharap agar semua warga Kementerian memberikan sokongan bagi menjayakan agenda integriti negara. "*Stand Up For Integrity*"

Kejayaan NICE'17

Hadirin yang dikasihi sekalian.

3. Seperti semua sedia maklum, NICE'17 adalah merupakan Ekspo STI terbesar di Malaysia yang telah diadakan pada **12 hingga 16 Oktober 2017** di Taman Teknologi Malaysia (TPM), Pusat Sains Negara dan

Planetarium Negara. Antara **kejayaan** yang telah kita capai dalam program ini adalah:

- (i) Mencatatkan 345,000 jumlah pengunjung program NICE yang terdiri daripada para pelajar, belia, industri, NGO, agensi dan jabatan kerajaan, penyelidik, pelabur antarabangsa dan syarikat modal teroka dari dalam dan luar negara;
- (ii) Menarik penyertaan seramai **119 rakan strategik NICE** yang terdiri daripada **18 Rakan Strategik Kementerian, 5 Rakan Strategik Antarabangsa Utama** seperti Huawei, Everspin, Gyonggi Centre For for Creative Economy, SAP Asia Pte. Ltd. dan Thales, **64 Rakan Strategik terdiri daripada pelbagai Jabatan/ Agensi Awam, Institut Pengajian Tinggi Awam/ Institut Pengajian Tinggi Swasta dan pihak Swasta**; dan **5 Rakan Media** iaitu ASTRO, RTM, IKIM, Radio BERNAMA, dan Ruang Bicara BERNAMA News Channel;
- (iii) Menerima **655** penyertaan untuk Anugerah Juruteknologi Negara, Anugerah Saintis Muda Negara dan AIN 2017; iaitu **peningkatan sebanyak 26%** berbanding 519 penyertaan yang diterima bagi tahun 2016;
- (iv) Tanda pagar #NICEmosti2017, mencapai **kedudukan teratas (trending)** dalam *Top Twitter trends for Malaysia*.

4. Kesemua kejayaan ini adalah hasil daripada **semangat berpasukan, kerjasama dan komitmen padu daripada pelbagai pihak, khususnya Pengurusan MOSTI yang diterajui oleh KSU, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi dan juga semua warga MOSTI**. Saya amat menghargai kesungguhan yang ditunjukkan meskipun kita terpaksa “bernafas” dan meneruskan “perjuangan” dalam keadaan dan masa yang cukup terhad.
5. Penghargaan yang teristimewa saya tujukan kepada **NICE Team iaitu Sekretariat Induk bagi penganjuran Ekspos NICE’17** yang telah bertungkus-lumus dan berkorban masa dan tenaga sejak daripada mula perancangan dibuat sehingga keadaan terlaksananya Ekspos NICE’17. Syabas dan tahniah diucapkan. Besar harapan saya agar kejayaan ini tidak hanya terhenti di sini, tetapi **diteruskan dengan lebih cemerlang pada masa akan datang**

BAJET 2018

Hadirin yang dikasihi sekalian yang dikasihi sekalian

6. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyentuh mengenai Bajet 2018 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Oktober yang lalu. Bajet 2018 ini merupakan bajet yang sangat menyeluruh sifatnya. MOSTI mengucapkan tahniah kepada YAB Perdana Menteri dan terima kasih di atas peruntukan yang telah diberikan kepada MOSTI.
7. Lapan petunjang yang mendasari bajet tersebut menyentuh aspek ekonomi, sosial, kemasyarakatan serta kesejahteraan rakyat. Dalam

bajet tersebut, terdapat dua petunjang yang melibatkan MOSTI iaitu petunjang kedua “Memartabatkan Pendidikan Tinggi” dan petunjang keenam “Komuniti dan Kejiranan”. Dalam petunjang kedua, Kementerian Pendidikan Malaysia dan MOSTI melalui Akademi Sains Malaysia telah diberi mandat dalam mengkoordinasi penubuhan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bertujuan membentuk kaedah pembelajaran terkini bagi melatih guru pakar STEM. Dalam petunjang keenam pula, MOSTI akan menyumbang kepada pelaksanaan inisiatif berkaitan dengan Revolusi Perindustrian Keempat, termasuk ekonomi digital dan perkilangan pintar. Ternyata Bajet 2018 adalah satu pendekatan holistik yang menangani cabaran masa kini dan mendepani hala tuju masa depan.

8. Pelan Strategik Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) 2016-2020 merupakan satu rangka dasar perancangan lima tahun yang menggariskan hala tuju Kementerian ini dalam menyokong dasar-dasar utama Kerajaan. Pelaksanaan Pelan Strategik MOSTI 2016-2020 memastikan kita berada di landasan yang tepat dan ke arah menjadikan sains, teknologi dan inovasi (STI) sebagai peneraju utama dalam pembangunan dan kemajuan negara. Dengan adanya pelan ini, pelbagai program dan aktiviti menjurus ke arah pembangunan, perkhidmatan dan pembudayaan STI dapat dipertingkatkan seiring dengan hasrat Kerajaan dalam memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berpaksikan rakyat.
9. Justeru, Kementerian perlu berpandangan jauh dan fokus dalam menjana pengetahuan, mencipta kekayaan dan **mensejahterakan**

rakyat dengan konsep bekerja secara **professional** dan **integrity** melalui konsep **engagement communication** yang berkesan terhadap semua lapisan masyarakat.

CUACA

Hadirin sekalian,

10. Walaupun kita dalam kegembiraan meraikan kejayaan MOSTI, kita harus peka bahawa Negara kini sedang berada dalam fasa Monsun Timur Laut yang dijangka berterusan sehingga Mac 2018. Semasa kejadian monsun ini, sebanyak empat sehingga lima episod hujan lebat dijangka berlaku. Episod hujan lebat dijangka berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor pada November dan Disember 2017. Manakala pada Disember 2017 dan Januari 2018, episod hujan lebat dijangka lebih tertumpu di barat Sarawak serta utara dan timur Sabah. Hujan yang berterusan ini boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan-kawasan berkedudukan rendah dan kawasan cenderung banjir. Risiko kejadian banjir akan menjadi lebih buruk, sekiranya hujan lebat berlaku serentak dengan kejadian air pasang.

11. Justeru, orang ramai dinasihatkan agar lebih berwaspada dan bersiapsiaga dalam menghadapi musim tengkujuh ini serta sentiasa peka dengan amaran hujan lebat yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi melalui portal rasmi iaitu www.met.gov.my dan media sosial seperti, facebook: "malaysiamet" serta twitter: "@malaysianmet."

PENUTUP

12. Akhir kata, dalam usaha melestarikan kesejahteraan rakyat bertunjangkan kemajuan sains teknologi dan inovasi, saya berharap semua warga MOSTI akan meneruskan amalan berintegriti dalam melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberikan. Tanggungjawab ini termasuklah tanggungjawab anda sebagai pengundi dan rakyat Malaysia. Yang belum mendaftar, silalah mendaftar.

Mudahan kita berjumpa di perhimpunan bulanan MOSTI seterusnya.

Sekian dan saya sudahi dengan ucapan terima kasih.